

**TEKS UCAPAN  
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR DAING NASIR IBRAHIM  
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
SEMPENA  
MAJLIS PENGHARGAAN KERJASAMA JALINAN PERMUAFKATAN SEKOLAH  
KLUSTER KECEMERLANGAN DENGAN UMP  
PADA HARI KHAMIS, 27 NOVEMBER 2014, PUKUL 12.30 TENGAH HARI  
DI ASTAKA, UMP KAMPUS GAMBANG**

---

**SALUTASI**

Saudara Pengacara Majlis;

Yang Hormat Dato' Rosdi Ismail,

Pengarah Pendidikan Negeri Pahang;

Rakan-rakan saya dari UMP:

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed,

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin,

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff,

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Pegawai-pegawai Utama, Dekan-dekan, Pengarah-pengarah  
dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Pengetua-pengetua, guru-guru dan pelajar-pelajar  
rakan Sekolah Kluster Kecemerlangan;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

## **KATA PEMBUKA**

1. *Alhamdulillah*, suka saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat bersama dalam majlis pada hari ini.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak pengurusan dan warga Universiti ini, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada para anggota delegasi Sekolah Kluster Kecemerlangan ke UMP Kampus Gambang sempena majlis pada hari ini.
3. Sepanjang 12 tahun kewujudannya, UMP sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sentiasa komited untuk memasyarakatkan kewujudannya melalui proses pemindahan ilmu (*knowledge transfer*). Ini adalah sesuai dengan statusnya sebagai sebuah menara gading dengan kepakaran khusus dalam bidang-bidang kejuruteraan, sains dan teknologi.
4. Justeru, apabila pihak Kementerian Pelajaran memperkenalkan konsep Sekolah Kluster Kecemerlangan pada tahun 2009, maka UMP turut terpanggil untuk turut menyumbang secara pro-aktif, khususnya kepada Sekolah-sekolah Kluster yang berada dalam radius Universiti ini.
5. Dengan penjenamaan semula Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi menjadi Kementerian Pendidikan yang tunggal pada tahun 2013, jalinan kerjasama ke arah kecemerlangan tersebut dapat terus digembleng secara lebih teratur dan terarah.

6. *Alhamdulillah*, sehingga kini, terdapat 14 buah Sekolah Kluster Kecemerlangan telah ditindikkan kepada UMP. Saya mengambil maklum bahawa pelbagai inisiatif telah, sedang dan akan dilaksanakan bagi mengimarahkan jalinan kerjasama ini bagi menghasilkan pencapaian yang dapat dimanfaatkan kedua-dua pihak.

### **MELESTARIKAN JALINAN KERJASAMA**

7. Tuan-tuan dan puan-puan,

Menyorot semula ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai keunikan Sekolah Kluster, kita akan memahami bahawa terdapat keperluan untuk membantu sekolah-sekolah ini menyerlahkan kebitaraan mereka, sama ada dalam kurikulum, mahu pun ko-kurikulum.

8. Maka itulah, inisiatif untuk menghubungkan Sekolah-sekolah Kluster Kecemerlangan ini dengan IPTA seperti UMP merupakan langkah yang amat bijak dalam konteks pemajuan sekolah tersebut berdasarkan keupayaan, kekuatan, kemudahan dan infrastruktur sedia ada.
  
9. Hubungan secara perkongsian pintar ini pula memanfaatkan UMP dalam konteks pelaksanaan Pelan Strategiknya bagi tahun 2011-2015 yang bermatlamat menjadikan UMP sebagai sebuah universiti teknologi pilihan utama.
  
10. Peningkatan kualiti akademik dan pembangunan sosio-ekonomi, yang tersenarai sebagai Bidang Keberhasilan Utama (KRA) kedua dan ketiga dalam Pelan Strategik tersebut secara khusus menyentuh aspek jalinan kerjasama ini, sekaligus membuktikan keseriusan UMP untuk terus melestarikan perkongsian pintar ini.

11. Malah, dalam konteks kitaran pengambilan mahasiswa oleh UMP juga, jalinan kerjasama ini secara tidak langsung membolehkan Universiti ini mengenal pasti dengan lebih awal calon-calon yang berpotensi dari Sekolah-sekolah Kluster berkenaan.
  
12. Justeru, jelaslah bahawa melestarikan jalinan kerjasama ini merupakan satu cabaran kepada kedua-dua pihak, apatah lagi dengan beberapa kisah kejayaan cemerlang yang telah dicapai oleh Sekolah Kluster yang ditindikkan dengan UMP.
  
13. Baru-baru ini umpamanya, Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SEMSAS) telah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Perdana (Keseluruhan) dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Jalinan Kerjasama Sekolah Kluster Kecemerlangan-IPTA di Putrajaya pada 20 Oktober yang lalu.

14. Dengan tiga anugerah lain yang berjaya diraihinya iaitu Anugerah Jalinan Pengantarabangsaan; Anugerah Jalinan Penyelidikan & Pembangunan, Anugerah Jalinan Inovasi & Rekacipta, maka SEMSAS merupakan antara contoh terbaik kejayaan perkongsian pintar antara Sekolah Kluster Kecemerlangan dengan IPTA.
  
15. Terkini, empat projek penyelidikan pelajar SEMSAS hasil bimbingan Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam UMP, Encik Abdul Syukor Abdul Razak mengharumkan nama negara apabila meraih empat pingat emas dan lima anugerah khas dalam *The Fifth Cyber International Genius Inventor Fair (CIGIF) 2014* di Seoul, Korea Selatan pada 22 November yang lalu.
  
16. Justeru, pada kesempatan ini, sukalah saya menyarankan supaya rakan-rakan Sekolah Kluster yang lain untuk menyuburkan lagi jalinan kerjasama dengan UMP, khususnya dengan Fakulti-fakulti dan Pusat-pusat Kecemerlangan yang terdapat di Universiti ini.

17. Saya bagi pihak pengurusan UMP sentiasa memberi sokongan penuh dan padu kepada sebarang inisiatif yang berupaya memberikan nilai tambah kepada perkongsian pintar ini.

### **APRESIASI DAN BELASUNGKAWA**

18. Tuan-tuan dan puan-puan,

Tidak dapat dinafikan, bahawa jalinan kerjasama antara UMP dengan 14 Sekolah Kluster Kecemerlangannya merupakan hasil sinergi para pensyarah dan pentadbir Universiti ini dan para kepimpinan, guru dan pelajar sekolah-sekolah berkenaan.

19. Maka majlis apresiasi ini bersifat holistik – meraikan rangkaian individu yang komited dalam melestarikan perkongsian pintar tersebut. Syabas, tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan atas komitmen yang telah diberikan selama ini.

20. Pada masa yang sama, pada saat yang meriah ini, marilah kita turut mengenang salah seorang penggerak utama perkongsian pintar UMP dan Sekolah Kluster Kecemerlangan yang tiada bersama kita pada hari ini.
21. Individu yang saya maksudkan ini merupakan Profesor Dr. Abdul Jalil Borham yang telah kembali ke Rahmatullah pada 13 November yang lalu. Marilah kita bertafakur sebentar dan menyedekahkan bacaan Surah *Al-Fatihah* kepada Allahyarham, mudah-mudahan rohnya dicucuri rahmat oleh Allah Ta'ala. *Al-Fatihah*.

## **KATA PENUTUP**

22. Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada warga kerja UMP yang telah memberikan komitmen untuk menjayakan penganjuran Majlis Apresiasi ini.

23. Kepada hadirin sekalian, saya berdoa mudah-mudahan Allah Ta'ala akan terus melimpahkan kesejahteraan, keselamatan dan kecemerlangan kepada Universiti dan sekolah kita, serta kepada negara Malaysia yang tercinta ini, *Amin*.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah*,

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.